

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
DI
MAJLIS MAKAN MALAM GRADUAN
SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KETIGA
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PADA HARI SABTU, 24 OGOS 2008 DI HOTEL HYATT REGENCY,
KUANTAN**

SALUTASI

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Berbahagia Profesor Dr. Rosli bin Mohd. Yunus,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Berbahagia Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim,
Pendaftar;

Yang Berbahagia Encik Zainudin bin Othman,
Bendahari;

Yang Berbahagia Tuan Haji Ruslan bin Che Pee,
Ketua Pustakawan;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Jalil bin Borham,
Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni;

Yang Berusaha Saudara Mohd. Rahmat bin Nordin,
Pengerusi Jawatankuasa Penaja Persatuan Alumni Universiti Malaysia
Pahang;

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Para Alumni yang diraikan;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Taala, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, maka saya dapat bersama dengan para tetamu dan alumni dalam Majlis Makan Malam Graduan pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni kerana telah menjemput saya ke Majlis Makan Malam Graduan ini. Majlis yang julung-julung kalinya diadakan ini amatlah besar makna dan ertinya, khususnya dalam merapatkan hubungan para alumni dan Universiti Malaysia Pahang sebagai alma mater.
3. Justeru, saya mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran para alumni sekalian ke majlis pada malam ini. Kehadiran saudara dan saudari pada malam ini adalah manifestasi ingatan dan sokongan berterusan terhadap aktiviti-aktiviti alumni di Universiti ini.

MENGEKALKAN HUBUNGAN DENGAN ALAMA MATER

4. Saudara dan saudari,

Syabas dan tahniah diucapkan di atas kejayaan saudara dan saudari sekalian memperolehi ijazah dan diploma dalam Majlis Konvokesyen Ketiga yang telah diadakan pada hari ini. Kejayaan saudara dan saudari seharusnya menjadi inspirasi kepada pelajar-pelajar prasiswazah yang masih menuntut di UMP untuk diikuti dan diteladani.

5. Dalam bukunya yang berjudul "The Benchmark", Allahyarham Tan Sri Harun Mahmud Hashim, mantan Hakim Mahkamah Agung Malaysia menyatakan "*Varsity education is more than just getting a degree.*" Pernyataan ini amat berkait rapat dengan falsafah dan semangat di sebalik penganjuran *homecoming dinner* untuk saudara dan saudari sekalian pada malam ini.

6. Walaupun Majlis Konvokesyen Ketiga telah berakhir dan saudara dan saudari telah menerima skrol ijazah dan diploma masing-masing, hubungan anda dengan UMP tidak terhenti setakat ini sahaja. Jika sebelum berlangsungnya Majlis Konvokesyen anda adalah pelajar Universiti ini, kini saudara dan saudari kini telah menjadi alumni UMP.

7. Persatuan Alumni UMP yang kini berada di peringkat pengasasan adalah saluran bagi saudara dan saudari kembali berbakti bagi memastikan sumbangan terhadap Universiti ini sebagai alma mater anda terus berkesinambungan. Justeru, Jawatankuasa Penaja Persatuan Alumni UMP yang dipimpin oleh Saudara Mohd. Rahmat bin Nordin perlulah berperanan dengan efektif dan proaktif bagi memastikan matlamat penubuhan Persatuan Alumni UMP dapat direalisasikan. Aktiviti-aktiviti yang melibatkan alumni hendaklah digerakkan dan Pihak Pengurusan UMP sentiasa komited untuk membantu saudara dan saudari sekalian.

8. Saudara dan saudari,

Ketika mengulas tentang alma maternya, William Scott iaitu alumni Columbia University di Amerika Syarikat menyatakan: *“The one thing you've got to say about Columbia is that it has courses that are famous. It has alumni who come back and say it was the best thing they ever did.”*

Sebagai alumni UMP, saudara dan saudari adalah antara *stakeholders* yang utama kepada Universiti ini. Sebagai *stakeholders* kepada Universiti ini, inisiatif untuk mengekalkan hubungan antara para alumni dengan UMP secara berterusan hendaklah digerakkan dengan proaktif. Saudara dan saudari boleh berperanan sebagai mentor kepada para *juniors* yang masih menuntut. Inisiatif ini boleh diupayakan melalui perkongsian kisah kejayaan, motivasi, wacana dan forum. Justeru saya berharap, Jawatankuasa Penaja Persatuan Alumni UMP dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan teratur dan terancang bagi manfaat para alumni UMP.

KATA PENUTUP

9. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan pengharagaan dan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni kerana telah menjemput saya pada malam ini. Kepada para graduan, syabas dan tahniah saya ucapkan di atas kejayaan saudara dan saudari. Teruskanlah tekad untuk mengejar kecemerlangan dan junjunglah nama Universiti Malaysia Pahang di mana sahaja saudara dan saudari berada.

10. Saya berdoa mudah-mudahan Allah Taala akan terus melimpahkan rahmat dan peliharaan-Nya kepada Universiti Malaysia Pahang dan para alumni sekalian. Selamat Maju Jaya.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.